

17/07/2002

20 penceramah dijangka tiba mulai hari ini

KUALA LUMPUR, Selasa - Seramai 20 penceramah dari luar negara yang diundang ke Forum Antarabangsa Mengenai Islam (Kalif) di ibu negara mulai 19 hingga 21 Julai ini, dijangka tiba di sini esok dan Khamis.

Pengarah forum berkenaan, Khairy Jamaluddin, berkata penceramah terbabit dari Pakistan, Indonesia, Belanda, United Kingdom, Turki, Mesir, Switzerland, Amerika Syarikat, Kanada dan Nigeria manakala 10 penceramah dari Malaysia.

Beliau yang dihubungi hari ini berkata, mereka adalah golongan intelek, akademik dan ulama yang akan menyampaikan idea bagi membincangkan mengenai permasalahan berkaitan agama, sosial dan antarabangsa umat Islam masa kini.

Katanya, 200 peserta akan mengikuti forum itu yang membabitkan sesi dialog dan perbincangan kerja berkumpulan.

"Kita berharap persidangan ini akan menjadi program tahunan bagi membolehkan cendekiawan dan intelek daripada pelbagai ilmu berbincang serta menetapkan satu keputusan berkaitan Islam," katanya.

Khairy berkata, Menteri-menteri Kabinet dan duta asing juga diundang menghadiri majlis perasmian forum itu yang akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.